

# Siswi baru daftar diarah pulang

Oleh MAZLINA ABDUL MAJID  
mazlina@kosmo.com.my



## Wabak selesema babi

SERDANG - Seorang pelajar perempuan berusia 19 tahun yang baru mendaftar di kampus Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini diarah pulang untuk menjalani proses kuarantin di rumah selama seminggu bermula kelmarin.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata, arahan itu dikeluarkan setelah ujian saringan wabak selesema babi yang dilakukan oleh Pusat Kesihatan UPM mendapati pelajar itu demam apabila suhunya mencecah 37.8 darjah Celsius.

"Kes ini telah dirujuk ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) dan pihak hospital menasihatkan pelajar itu dikuarantin. Pelajar itu sebenarnya belum disahkan positif tetapi dia

dikatakan berisiko untuk mendapat jangkitan ekoran suhu badannya. Jadi sebagai langkah berjaga-jaga adalah lebih baik dia berehat di rumah terlebih dulu sebelum memulakan pengajian," katanya.

Nik Mustapha berkata demikian ketika ditemui selepas turut serta dalam Program Khas Siri Turun Kampus: Mesra Mahasiswa Baru bersama Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah di sini semalam.

Tambah beliau, pelajar perempuan itu yang mengikuti jurusan Sarjana Muda Ekonomi dan ditempatkan di kediaman Kolej Kelima dikatakan baru pulang bercuti dari Hong Kong dan Singapura pada 22 Jun lalu.

Katanya, pelajar itu berasal dari Johor tetapi memilih untuk menjalani kuarantin di rumah kakaknya di Desa Petaling di sini.

Sehubungan itu, Nik Mustapha mengharapkan agar seluruh warga kampus UPM tidak panik memandangkan pelajar berkenaan belum disahkan positif dan pihak universiti akan sentiasa memastikan saringan dilakukan secara lebih berhati-hati.

Mengenai pencegahan wabak di kalangan pelajar-pelajar asing, katanya, pusat saringan mereka diasingkan dan mereka diminta terus ke Pusat Kesihatan UPM. Beliau berkata, sehingga kini keadaan terkawal.

Katanya, majoriti pelajar itu berasal dari Asia Barat.

Bagi pengambilan pelajar baru sesi 2009/2010, UPM menerima seramai 640 pelajar asing selain 4,814 orang pelajar tempatan dengan tambahan pelajar jurusan baru iaitu Sarjana Muda Sains dan Teknologi Alam Sekitar.

## Info Kes selesema babi

### MALAYSIA

#### Kelmarin

112 kes

96 kes import,

12 jangkitan tempatan

#### Semalam

124 kes

106 kes import,

18 jangkitan tempatan

### SELURUH DUNIA

#### Kelmarin

60,733 kes

264 kematian

#### Semalam

61,191 kes

265 kematian



## Tiada cadangan tutup universiti - Saifuddin

SERDANG - Semua universiti awam dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) di negara ini tidak akan ditutup sewenang-wenangnya dalam usaha untuk mencegah penularan wabak selesema babi melainkan terdapat keperluan yang mendesak.

Menurut Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah, pihaknya hanya akan melaksanakan langkah itu jika terdapat sesuatu yang serius.

Bagaimanapun, menurut beliau, setakat ini tiada kes yang membabitkan pelajar universiti di negara ini dan keadaan itu cukup melegakan

lum para pelajar baru memulakan pengajian mereka.

Semalam, Saifuddin turun padang menyaksikan sendiri proses saringan selesema babi yang dijalankan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Tenaga Nasional (Uniten) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) sempena Program Khas Siri Turun Kampus: Mesra Mahasiswa Baru.

"Apa pun, kita tidak boleh paksa mereka (IPTS) untuk membuat saringan tetapi ada yang sudah buat," katanya kepada pemberita selepas selesai melawat UPM di sini semalam.

